

Headline	Eksport produk kayu Malaysia RM22.5 bilion tahun lalu		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	08 Sep 2020	Color	Black/white
Section	Bisnes	Circulation	82,252
Page No	38	Readership	246,756
Language	Malay	ArticleSize	163 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,758
Frequency	Daily	PR Value	RM 8,275



Eksport produk kayu Malaysia RM22.5 bilion tahun lalu

Malaysia mengeksport RM22.5 bilion produk berasaskan kayu pada tahun lalu, kata Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Dr Mohd Khairuddin Aman Razali.

Beliau berkata, daripada jumlah itu, perabot adalah produk tertinggi yang bernilai RM9.14 bilion, diikuti produk papan lapis RM3.40 bilion dan kayu gergaji RM3.37 bilion.

"Kita juga berharap nilai eksport tahun ini meningkat sekurang-kurangnya seperti tahun lalu atau lebih," katanya selepas melancarkan program Perladangan Komuniti negeri di Batu Kikir, dekat Jempol, semalam.

Mengenai program berkenaan, Mohd Khairuddin berkata, ia bertujuan memperbanyakkan lagi bekalan kayu spesies hutan yang kian menyusut menerusi konsep perladangan, selain membantu meningkatkan pendapatan golongan B40.

"Program yang diadakan hari ini (semalam) bertujuan memberi pengenalan berkaitan spesies pokok yang mengalami pertumbuhan cepat seperti Batai dan Eucalyptus (pokok kayu putih).

"Program ini dilaksanakan bagi memastikan kelestarian bahan mentah kayu terus mampan serta mengurangkan kebergantungan sumber daripada hutan asli.

"Ladang komuniti yang bakal diwujudkan ini memberikan keuntungan kepada pelbagai pihak, terutama golongan B40. Tanah terbiar, meskipun dalam saiz kecil dapat dioptimumkan dan diberi nilai tambah apabila terhasilnya ladang komuniti ini," katanya.

Mohd Khairuddin berkata, jaminan belian balik dapat membantu serta meningkatkan pendapatan B40 secara konsisten," katanya sambil memaklumkan projek itu membabitkan 20 peserta.

Beliau berkata, sejak 2016, FRIM dengan kerjasama MPMA dan Plus Interinvest menjalankan pelbagai kajian untuk menentukan spesies hutan yang boleh diladangkan serta dituai dalam tempoh kurang enam tahun.

Mohd Khairuddin berkata, pokok Eucalyptus menghasilkan kayu yang berat, kuat dan tahan lasak, sekali gus menjadikannya sumber kayu yang paling bernilai di dunia serta membekalkan bahan mentah berkualiti tinggi untuk pulpa, kertas dan tenaga.

Katanya, perladangan Eucalyptus dijangka dapat memenuhi permintaan bahan mentah balak pada masa hadapan.

BERNAMA